

18 JUN 1999

MAHATHIR-EKONOMI

SENJATA EKONOMI DIGUNAKAN UTK JAJAH NEGARA: DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran terhadap kuasa asing yang menggunakan senjata ekonomi secara efektif dengan menurunkan nilai matawang dan saham untuk melemahkan negara-negara sasarannya dan memaksa negara tersebut tunduk kepada kehendak mereka.

"Senjata ekonomi kuasa asing adalah sangat mustajab dan dengan sendirinya boleh menewas dan menjajah semula kita. Tetapi, apabila orang asing disokong dan dibantu oleh rakyat tempatan sendiri, terutama pemimpin-pemimpin kerajaan, kemungkinan kita dijajah semula adalah besar." katanya ketika menyampaikan ucapan presiden di Perhimpunan Agung UMNO ke-53, di sini, hari ini.

Beliau berkata kesan utama senjata-senjata itu adalah untuk membukakan negara kepada aktiviti keluar dan masuk modal kapitalis Barat moden tanpa apa-apa syarat dan sekatan.

"Perlindungan yang biasa diberi kepada peniaga tempatan mestilah dihapuskan supaya peniaga asing bebas bukan sahaja untuk mengambilalih sepenuhnya bank-bank dan syarikat-syarikat tempatan tetapi mereka boleh menubuhkan perniagaan dan bank-bank yang dimiliki 100 peratus oleh mereka," katanya.

Apabila ekonomi sudah dikuasai, mereka akan cuba menguasai politik pula, katanya ketika menyorot pergantungan penuh kepada kuasa-kuasa Barat serta mendedahkan negara kepada persaingan asing penuh di bawah kepalsuan globalisasi dan liberalisasi yang diperkenalkan oleh mereka.

Dr Mahathir juga memberi amaran kepada negara-negara membangun supaya tidak terpengaruh dengan gambaran menarik globalisasi yang membawa kepada dunia tanpa sempadan yang hanya melemahkan kerajaan serta membahayakan rakyat.

Sebagai contoh, beliau berkata Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dieksplotasi bagi perlanjutan globalisasi di mana pelaburan modal digunakan sebagai umpan untuk membawa pembangunan pesat ke negara sedang membangun.

"Mereka mengancam untuk menyekat kemasukan barangan daripada negara membangun atau Negara Perindustrian Baru (NIC) jika pasaran (NIC) mereka tidak dibuka bagi barangan dan ekonomi mereka," katanya.

Negara-negara yang mudah tertipu kemudiannya membuka ekonomi mereka, katanya, sambil menyebut Malaysia membenarkan ringgit dijadikan matawang antarabangsa yang boleh diniagakan dengan bebas tanpa menyedari bahaya yang akan berlaku.

Pelaburan modal asing dalam pasaran saham digalakkan menerusi pameran bergerak di negara maju dengan Malaysia dan peniaga-peniaganya gembira menyaksikan Indeks Komposit naik dengan mendadak, jauh lebih tinggi daripada nilai sebenar saham-saham mereka.

"Bagi peniaga kita, globalisasi, dunia tanpa sempadan, ternampak menarik dan akan membawa keuntungan yang tidak terhingga," katanya sambil menambah, namun mereka gagal untuk menyedari kuasa pemusnah spekulator matawang dan pasaran saham.

"Ada kalanya nilai matawang merosot begitu rendah hingga ia menjadi tidak bernilai lagi," katanya.

Tidak cukup dengan menurunkan nilai matawang, kapitalis Barat jenis baru ini menyerang dan menurunkan nilai saham syarikat yang disenarai dan diniagakan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Menerusi 'short-selling' atau jualan singkat, iaitu menjual

berturut-turut saham milik mereka atau yang mereka pinjam, harga saham ditekan turun serendah-rendahnya," kata Dr Mahathir.

"Di Malaysia, Kementerian Kewangan yang pada masa itu dipimpin oleh peminat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menyulitkan lagi keadaan dengan menaikkan kadar faedah kepada, secara efektif, 24 peratus; mengurangkan duit dalam bank komersil dan memendekkan masa hutang ditakrif sebagai sudah menjadi lapuk dari enam bulan kepada tiga bulan," katanya.

Juga, di masa yang sama belanjawan Kerajaan dipotong sebanyak 21 peratus dan kerana perbelanjaan pengurusan tidak dapat dikurangkan, maka peruntukan untuk pembangunan terpaksa dihapuskan sama sekali, katanya.

Mengenai arahan Kabinet, Perdana Menteri berkata simpanan berkanun atau 'statutory reserve' bank-bank dikurangkan sebanyak tiga peratus supaya bank mempunyai wang untuk dipinjamkan.

Bank Negara menurut arahan ini tetapi di masa yang sama Bank Negara menarik balik pinjamannya kepada bank-bank sebanyak jumlah yang sama. Dengan ini arahan Kabinet tidak membawa apa-apa kesan dalam menambah kredit yang boleh dipinjamkan oleh bank.

Tindakan Kementerian Kewangan pada ketika itu, yang diilhamkan oleh IMF, telah menyebabkan aktiviti ekonomi hampir terhenti terus. Hasil mahsul Kerajaan jatuh dengan teruknya kerana tidak ada perniagaan yang memperolehi keuntungan.

Kerajaan begitu terdesak sehingga ramai pemerhati asing meramalkan Malaysia akan terpaksa meminta pertolongan IMF dan menerima syaratnya untuk membuka ekonomi supaya orang asing dapat membeli bank dan syarikat-syarikat yang sudah tenat dengan harga yang murah.

Bagaimanapun, kerajaan tidak boleh meminjam daripada IMF kerana syarat-syaratnya akan menghalang Malaysia mencapai matlamat dasar-dasar Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Jika matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) dihalang, Malaysia akan berdepan dengan masalah besar, malah lebih besar daripada kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara ketika ini kerana Kaum Melayu dan Bumiputera lain akan memberontak, merusuh, jika mereka terus kekal hanya sebagai pekerja di bawah syarikat-syarikat tempatan yang dimiliki oleh orang asing.

"Kita percaya tiada rakyat Malaysia yang rela untuk menyerahkan pengurusan ekonomi kepada orang asing. Tetapi rupa-rupanya terdapat rakyat Malaysia, malahan, pemimpin kita sendiri, yang menyaksikan kegawatan ekonomi sebagai satu peluang untuk mengambilalih kerajaan." tambahnya.

Penyangak matawang asing, tambah Dr Mahathir, bukan sahaja sengaja merosakkan ekonomi kita untuk mendapat keuntungan tetapi mereka menyalahkan kerajaan kerana mengikut mereka, kita yang merosakkan ekonomi kita, apabila ia adalah kerajaan yang sama yang telah berjaya membangunkan ekonomi dengan begitu pesat sehingga kita dikenal sebagai 'Ekonomi Harimau' sebelum Julai 1997.

Tuduhan kronisme, nepotisme, korupsi dan tidak telus yang dilemparkan hanyalah alasan-alasan untuk menyalahkan kerajaan dan bukan mereka sendiri (penyangak matawang asing).

Dr Mahathir berkata beliau tidak menafikan hakikat bahawa amalan-amalan tersebut wujud di negara ini tetapi ia bukanlah penyebab yang membawa kepada kegawatan ekonomi.

-- BERNAMA  
TM SHY ZK